

20/08/1997

IGD sedia disenarai ke Mesdaq

IGD Hitech Corporation Sdn Bhd (IGD), yang menumpukan kepada kegiatan industri teknologi maklumat (IT) dan multimedia kini dalam perancangan untuk disenaraikan ke Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (Mesdaq).

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Idrus Mohd Diah, berkata perancangan ke Mesdaq hanya akan terlaksana apabila konsep dan peraturan bursa itu siap sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

Katanya, bagi tujuan pengapungan, IGD akan membuat penyusunan semula syarikat bagi menepati keperluan syarat penyenaiaan.

Mesdaq dijangka akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam suku keempat tahun ini dengan tujuan menyediakan kemudahan perdagangan saham bagi syarikat berteknologi tinggi.

Keutamaan penyenaiaan syarikat IT hendaklah berada dalam sembilan bidang teknologi yang ditetapkan oleh bursa itu.

Bidang berkenaan adalah elektronik maju dan IT; kelengkapan/peralatan; automasi dan sistem pembuatan anjal; bioteknologi; tukaran bio dan kejuruteraan genetik; elektro optik; optik bukan linear dan optoelektronik; bahan maju; sumber tenaga; aeroangkasa; pengangkutan dan perkhidmatan.

IGD mencatat jualan 1996 sebanyak RM1.4 juta dan tahun ini dijangka RM4 juta tahun itu. Jualan dijangka mencatat peningkatan sehingga September 1998.

(END)